



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 9 / 2022

“ALERT”: Panggung Seni Tradisional 2022 (PST) kembali menemui peminat seni budaya pada tahun ini dengan menampilkan persembahan-persembahan hebat dan memukau dari lima (5) kumpulan pelbagai kaum di Malaysia. Persembahan pembuka PST2022 pada kali ini, akan menampilkan bakat istimewa tiga (3) dalang muda dan seorang pemain muzik dalam kalangan OKU penglihatan menerusi Teater Tradisional Wayang Kulit ‘PERTEMPURAN TIGA DALANG’ – “Derhaka Tiga Pengasuh” oleh Akademi Arjunasukma yang pasti menarik, penuh aksi yang mendebarkan dan menghiburkan para penonton.

PANGGUNG SENI TRADISIONAL KEMBALI LAGI MENEMUI PEMINAT SENI BUDAYA

Kuala Lumpur, 27 Mei 2022 – Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) terus komited dalam menyemarak dan memartabatkan seni budaya negara melalui pelaksanaan Panggung Seni Tradisional 2022 (PST2022). Program ini merupakan usaha bagi memastikan kelestarian seni persembahan tradisional dapat diteruskan dan sebagai langkah pemeliharaan serta pengekalan seni warisan negara. Seterusnya menjadi serampang dua mata dengan menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab persembahan tradisional dan salah satu produk pelancongan negara.

PST2022 telah dilaksanakan sejak tahun 2013 dengan menampilkan sebanyak 51 kesenian tradisional yang merangkumi tiga (3) genre iaitu tari, muzik dan teater dengan melibatkan 103 kumpulan kesenian terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, universiti awam dan NGO.

Setelah dua (2) tahun program ini dilaksanakan secara dalam talian, akibat daripada ancaman wabak *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, PST2022 kembali semula menemui peminat seni tradisional bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) dengan menyajikan lima (5) pengisian persembahan yang terbaik, menarik dan ditunggu-tunggu oleh para penggemar seni budaya seluruh Malaysia khususnya.

Dimulai dengan Teater Tradisional Wayang Kulit 'Pertempuran 3 Dalang' oleh Akademi Arjunasukma pada 27 & 28 Mei 2022, Himpunan Zapin Alam Melayu 'Nuasa Zapin' oleh Nyala Dance Theatre pada 24 & 25 Jun 2022, Pergendangan dan Tari Etnik Punjabi 'Sounds of Punjab' oleh Dhol Alliance pada 22 & 23 Julai 2022, Muzik dan Tarian Klasik Cina 'Eternal Love' oleh Kelab Tarian Han Fong Kuala Lumpur pada 23 & 24 September 2022, serta Himpunan Terinai Perlis 'Restorasi Terinai Perlis' oleh Fakulti Seni Kreatif Universiti Malaya & KESUMA yang akan dilaksanakan pada 21 & 22 Oktober 2022.

Teater Tradisional Wayang Kulit "Pertempuran Tiga Dalang" oleh Kumpulan Arjunasukma pada malam ini mengambil semangat Keluarga Malaysia. Lari daripada kebiasaan persembahan wayang kulit yang lazimnya hanya mempunyai satu (1) orang Tok Dalang dan satu (1) kelir.

PST 'Pertempuran 3 Dalang' – "Derhaka 3 Pengasuh" membawa kelainan dengan menampilkan persembahan istimewa bakat muda Tok Dalang Cilik Pyu iaitu Adik Aqfierudzar Rizq bin Mohd Sulhie @

Pyu yang berusia 8 tahun, Tok Dalang daripada komuniti cina iaitu Kang Xiau Ren berusia 25 tahun dan Ahmad Marzuki bin Nordin berusia 21 tahun. Selain dari itu juga, persembahan wayang kulit kali ini turut menampilkan penglibatan pemuzik OKU (penglihatan) iaitu Amir Hakimie bin Ahmad.

Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa komited terhadap usaha untuk memartabatkan kesenian tradisional yang unik dan autentik seperti program Panggung Seni Tradisional. Pelaksanaan PST menjadi medium yang sangat bertepatan dalam usaha menyemarakkan seni budaya warisan negara agar tidak lapuk ditelan zaman bahkan terus membara untuk generasi akan datang. Diharapkan agensi-agensi swasta dan syarikat-syarikat korporat turut sama memberikan sokongan kepada JKKN sebagai jabatan kerajaan yang mendokong kelestarian seni budaya bangsa. Sokongan boleh diberi bukan sahaja dalam bentuk penajaan kewangan, malah dengan memberi kemudahan pementasan, ruang promosi dan lain-lain.

Program ini dihadiri oleh YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC bersama YBrs. Tuan Haji Mesran bin Yusop, Ketua Pengarah, JKKN serta Pegawai-Pegawai Kanan MOTAC di Dewan Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (Matic).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat JKKN atau boleh melayari laman media sosial JKKN.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	---